

SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA



PROGRAM MYSTARTUP ACCELERATOR PERLUAS EKOSISTEM PADA TAHUN KETIGA PENUBUHAN, SASAR LEBIH PENYERTAAN STARTUP TEKNOLOGI

KUALA LUMPUR, 19 April 2024 – MYStartup, dengan kerjasama bersama NEXEA, sebuah firma modal teroka dan pemecut *startup*, telah melancarkan program pemecut (*accelerator*) ketiganya, MYStartup *Accelerator* Kohort 3, untuk terus memperkasa *startup* peringkat awal. Sebanyak 25 *startup* teknologi telah disenarai pendek daripada 60 permohonan merangkumi pelbagai industri yang terdiri daripada empat (4) sektor utama: kecerdasan buatan (*artificial intelligence*), pembelajaran mesin (*machine learning*), penjagaan kesihatan dan pembangunan perisian. *Startup* terpilih itu akan menjalani program pengayaan selama empat bulan yang bertujuan untuk memacu pertumbuhan perniagaan mereka, dalam masa yang sama memupuk persekitaran ekosistem yang berinovasi, melangkaui sempadan dan memangkin perubahan di Malaysia.

Kohort MYStartup *Accelerator* sebelum ini telah menyaksikan suntikan pelaburan yang besar untuk beberapa *startup* dengan nilai pelaburan sehingga RM700,000 dalam tempoh enam bulan. Antara *startup* tersebut ialah Parkit, Engagelife, iJalan dan EB Tech, di mana mereka telah mencapai jumlah penilaian agregat sebanyak 290% dan menyaksikan peningkatan daripada RM11 juta kepada RM32 juta dalam tempoh yang sama.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle, Norman Matthieu Vanhaecke berkata, “*Startup* ialah salah satu asas penting dalam pembangunan ekonomi negara. Berdasarkan laporan tahun 2023 oleh *Global Startup Ecosystem Report* (GSER), ekosistem *startup* di Malaysia dianggarkan bernilai sebanyak USD 4.6 bilion. Di Cradle, kami sedar akan kepentingan untuk memupuk sebuah ekosistem *startup* yang bersifat berprestasi tinggi, inklusif, global dan mampan di negara ini dalam memperkasa usahawan *startup* ke peringkat serantau dan antarabangsa.”

“Sebagai agensi fokal yang memangkin pertumbuhan *startup* di Malaysia, kami akan terus berdedikasi dalam usaha membina sebuah ekosistem yang akan merangsang ekonomi negara melalui program pembangunan kapasiti yang khusus seperti MYStartup *Accelerator*. Inisiatif ini tidak hanya tertumpu dari segi kewangan malah *startup* ini juga mendapat peluang bimbingan intensif dan sumber yang komprehensif. Melalui program ini, kami juga berharap untuk memberi pendedahan dan sokongan yang diperlukan supaya mereka boleh mengembangkan operasi mereka, sekali gus menjadikan *startup* Malaysia sebagai peneraju teknologi multinasional masa hadapan,” tambah Norman.

Program MYStartup *Accelerator* direka untuk *startup* yang berpotensi berkembang pesat dan berasaskan teknologi, sama ada dalam peringkat menjana pendapatan atau produk berdaya maju minimum (*minimum viable product*). Sehingga kini, MYStartup *Accelerator* telah berjaya memperkasa 58 *startup* melalui dua kohort sebelumnya.

“Dengan bimbingan mentor dan pelabur, serta sokongan daripada pihak Cradle, dua kohort terakhir MYStartup *Accelerator* telah merekodkan pertumbuhan purata dua kali ganda dari tahun ke tahun. Daripada lebih 940 permohonan yang diterima tahun ini, 25 *startup* telah dipilih untuk menyertai kohort ketiga. Setiap *startup* yang masing-masing membawa idea merombak industri akan bersaing untuk menjadi finalis terbaik dan mendapat pembiayaan permulaan bernilai RM250,000 dengan geran sehingga RM1 juta. Bersama-sama dengan Cradle, kami berharap untuk membawa impak yang lebih besar, mempercepat pertumbuhan mereka dan membina ekosistem *startup* yang inklusif dan mampan di negara ini,” kata Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif NEXEA, Ben Lim.

“Otter Barista mempunyai matlamat untuk memudahkan akses kepada kopi berkualiti serta memberikan pengalaman yang mudah dan lancar kepada pelanggan. Melalui teknologi robotik kami, pelanggan dapat berinteraksi dengan mesin kami secara mudah untuk membuat pesanan, dan mesin ini akan mengendalikan proses penyediaan minuman dari awal hingga akhir, semuanya pada harga yang rendah. Kami teruja untuk menyertai program ini, terutamanya sesi individu dengan pelabur dan mentor pengasas kami. Melalui bimbingan dan bengkel yang diberikan, kami ingin mengukuhkan lagi nilai-nilai dan model perniagaan syarikat kami, serta mempercepat pertumbuhan syarikat kami di seluruh Malaysia,” kongsi Pengasas Otter Barista, Eeyong Ho. Otter Barista ialah salah satu syarikat yang tersenarai untuk menyertai program MYStartup *Accelerator*.

25 *startup* yang telah disenarai pendek bagi program MYStartup *Accelerator* Kohort 3 adalah:

1. **Nakngaji** - platform ini menawarkan perkhidmatan pembelajaran Al-Quran secara khusus dalam talian.
2. **Otter Barista** - mesin robotik yang menyediakan minuman kopi yang berkualiti tinggi.
3. **Ollie & Hana** - pakar penjagaan dan hotel penginapan haiwan peliharaan.
4. **ALT Synergy** - aplikasi bioteknologi yang strategik untuk meningkatkan keberkesanan suplemen.
5. **WeAssist** - pembangun aplikasi mudah alih yang memberi tumpuan kepada menghubungkan orang ramai kepada kemudahan penjagaan kesihatan.
6. **Messengerco** - sebuah platform sehenti untuk pemberian hadiah korporat.
7. **EasyRenz** - sebuah penyelesaian pengurusan penyewa automatik.
8. **Numom** - pakar dalam produk ibu mengandung dan bayi dengan memberi tumpuan kepada sokongan penyusuan.
9. **Resitku** - aplikasi mudah alih untuk resit perbelanjaan, rekod pendapatan dan penyelesaian cukai.
10. **Dreamory** - platform komprehensif pengurusan acara.
11. **Heycast.me** - platform pencarian bakat industri hiburan.
12. **Property Lab** - platform yang dipacu kecerdasan buatan untuk pelaburan hartanah.
13. **DeepLogi** - gerbang penghantaran pintar bagi perniagaan kecil dan sederhana.
14. **Siren Networks** - aplikasi keselamatan yang menghubungkan pengguna dengan pembekal perkhidmatan penjagaan kecemasan.

15. **Axtraction AI** - perisian SaaS dipacu kecerdasan buatan untuk proses pendokumentasian.
16. **Quasa.ai** - menyediakan penyelesaian teknologi pematuhan dan peraturan kepada perniagaan.
17. **InfiniLab** - penyelesaian ERP SaaS modular yang diperkukuh oleh rangka kerja siap AI untuk pengurusan perniagaan yang lancar dan cekap.
18. **Choladeck** - sebuah aplikasi web yang menghasilkan persembahan khusus selaras dengan jenama dan menyediakan pandangan berharga mengenai interaksi audiens.
19. **VStream** - penyedia penyelesaian insurans digital dron.
20. **Astra Medical Technologies** - menyediakan akses kepada teknologi perubatan terkini.
21. **Pixalink** - sebuah sistem berasaskan awan yang direka untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana mendapatkan pelanggan baru.
22. **Toolbox2u** - sebuah platform untuk mendapatkan dan mengurus bekalan perindustrian.
23. **Wander Wild** - sebuah platform digital yang menawarkan pelbagai pengalaman percutian di Asia Tenggara.
24. **AI Love Code** - sebuah alat berasaskan web yang menggunakan kecerdasan buatan untuk membantu pembangun web membina laman web dengan lebih cepat dengan menukar teks mudah kepada kod.
25. **EZDisposal** - sebuah platform yang menghubungkan pelanggan yang memerlukan bantuan untuk membuang barang-barang besar dengan pemandu khas.

TAMAT

Mengenai Cradle

Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle) ialah agensi fokal untuk ekosistem startup Malaysia yang diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada tahun 2003 dengan seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Cradle menyumbangkan kadar pengkomersialan tertinggi dalam kalangan geran kerajaan dengan lebih daripada 1,000 *startup* teknologi dibiayai. Cradle kini menawarkan dua geran baharu iaitu CIP Spark dan CIP Sprint, serta menyasarkan pembangunan idea dan pengkomersialan *startup* teknologi. Cradle juga merupakan peneraju utama bagi Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2030, inisiatif MYStartup dan Angel Tax Incentive (ATIO). Produk yang ditawarkan oleh Cradle tidak hanya terhad kepada bantuan kewangan sahaja, tetapi juga termasuk sokongan pengkomersialan, bimbingan dan pelbagai perkhidmatan nilai tambah untuk memenuhi keperluan pelbagai usahawan masa kini. Visi dan misi Cradle selaras dengan aspirasi MOSTI iaitu untuk mewujudkan 5,000 *startup* menjelang 2025, melahirkan 10,000 pengekod mahir dan menjadikan Malaysia antara 20 ekosistem startup terbaik dunia menjelang 2030.

Untuk maklumat lanjut, layari www.cradle.com.my.

Mengenai MYStartup

MYStartup ialah inisiatif nasional yang dimulakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan diterajui oleh Cradle. Ditubuhkan pada tahun 2021, MYStartup adalah tettingkap tunggal kepada ekosistem *startup* Malaysia, menawarkan platform yang membina pertumbuhan yang inklusif dan mampan untuk pengasas, pelabur, dan bakat teknologi. Seajar dengan matlamat negara untuk menjadi Pusat Kecemerlangan ASEAN menjelang 2030, MYStartup memupuk ekosistem ini melalui program pembangunan kapasiti, termasuk *hackathon*, pemecut (*accelerator*), prapemecut (*pre-accelerator*) dan *bootcamp*. MYStartup merupakan sebahagian daripada Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) yang telah diberi mandat untuk memastikan bahawa inisiatif oleh MYStartup memberi manfaat kepada ekosistem *startup* secara keseluruhan. Usaha ini juga seajar dengan sasaran MOSTI untuk mewujudkan 5,000 *startup* menjelang 2025 dan melahirkan 10,000 pengekod menjelang 2030.

Untuk maklumat lanjut, layari www.mystartup.gov.my.

Mengenai NEXEA

NEXEA ialah sebuah firma modal teroka dan pemecut syarikat pemula Malaysia yang tertumpu kepada menyokong dan membiayai syarikat teknologi yang berpotensi menjadi gergasi teknologi seterusnya. NEXEA juga menyediakan perkhidmatan untuk pelabur dan syarikat korporat yang ingin melabur atau bekerjasama dengan syarikat gergasi teknologi masa hadapan. NEXEA dikenali dengan mentornya yang merupakan bekas usahawan berjaya atau C-level yang memiliki atau telah menjual perniagaan mereka (IPO, M&A). Gabungan mentor berpengalaman, pakar dan rakan kongsi terbukti berkesan kerana syarikat-syarikat terbaik daripada 35+ syarikat pemula yang dilaburkan oleh NEXEA telah berkembang 3 hingga 16 kali setiap tahun. NEXEA berpusat di Bandar Sunway, Selangor. Untuk maklumat lanjut, layari www.nexea.co.

Dikeluarkan oleh:

Komunikasi Strategik
Cradle Fund Sdn Bhd
Level 20, Sunway Putra Tower
100 Jalan Putra
50350 Kuala Lumpur

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Nurshaffira Izzad - shaffira@cradle.com.my (+6019 888 1102)
Elmy Fairuz Azmi - elmy@cradle.com.my (+6012 271 3457)